

RINGKASAN OBJEK AM (OA)



1

OA 10000 - EMOLUMEN

Merekodkan bayaran-bayaran gaji, elaun dan faedah kewangan yang lain kepada Kakitangan-kakitangan Kerajaan yang menyandang jawatan-jawatan tetap, Kakitangan-kakitangan Kerajaan sementara yang menyandang jawatan-jawatan tetap dan Anggota Pentadbiran dan Parlimen.

2

OA 20000 - PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

Merekodkan bayaran untuk semua perkhidmatan dan bekalan termasuk tuntutan perjalanan dan sara hidup, perkhidmatan-perkhidmatan yang dibeli, keraian dan hospitaliti, bayaran-bayaran kepada pekerja-pekerja sementara dan sambilan yang tidak menyandang jawatan-jawatan tetap, bekalan pejabat dan bekalan penyelenggaraan dan pembaikan.



3

OA 30000 - ASET

Merekodkan bayaran untuk semua aset yang diperolehi termasuk tanah, bangunan, kemudahan, kenderaan, jentera dan alat kelengkapan, binatang, pokok dan benih, pinjaman dan pelaburan. Bayaran-bayaran ini juga termasuk bayaran bagi pembaikan besar ke atas aset-aset yang berkenaan. Pembaikan besar bermakna sesuatu pindaan, sama ada secara struktural atau tidak, serta sesuatu tambahan atau pembaharuan yang dibuat kepada aset yang sedia ada yang menambahkan nilai dan mutunya.



4

OA 40000 - PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

Merekodkan bayaran biasiswa dan dermasiswa, pelbagai pemberian dan bantuan serta semua bayaran-bayaran lain termasuk faedah, dividen dan kenaan bayaran hutang negara, pencen, ganjaran, tuntutan insuran dan pampasan.



5

OA 50000 - PERBELANJAAN - PERBELANJAAN LAIN

Merekodkan semua perbelanjaan yang tidak disenikan di bawah mana-mana Objek Am.

